

TEKS UCAPAN YAB KETUA MENTERI SABAH DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR DI MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN MAAL HIJRAH 1443H PERINGKAT NEGERI SABAH PADA 10 OGOS 2021

Bismillahirrahmanirrahim, salam sejahtera dan Salam Sabah Maju Jaya

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah
Tun Datuk Seri Panglima Dr Haji Juhar Bin Datuk Haji Mahiruddin

Yang Berhormat Datuk Haji Mohd Ariffin Bin Haji Mohd Arif
Menteri Tugas-Tugas Khas merangkap Pengerusi Jawatankuasa Sambutan Maal Hijrah 1443H/2021M

YBhg Datuk Seri Panglima Hj Yahya Husin
Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Sabah

Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Sr Haji Safar bin Untong
Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah

Yang Berbahagia Sahibus Samahah Datuk Ustaz Haji Bungsu Aziz bin Haji Jaafar
Mufti Negeri Sabah

Yang Berbahagia Datuk Haji Saifulzaman bin Sangul
Pengaroh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

Tuan Yang Terutama Tun,

Bagi pihak Kerajaan Negeri, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tn diatas kesudian melancarkan Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri pada hari ini. Saya berdoa semoga Tuan Yang Terutama Tun dan keluarga sentiasa sihat walafiat dan dilindungi oleh Allah SWT.

Saya memohon izin untuk menyampaikan ucapan aluan kepada para hadirin yang hadir di majlis yang mulia ini.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izinNya jua kita menyambut tahun baharu 1443 Hijrah. Selawat dan Salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda yang setia. Saya juga ingin mengucapkan selamat menyambut Maal Hijrah kepada semua umat Islam di negeri ini.
2. Sempena sambutan Maal Hijrah ini, saya doakan kita semua dapat mengambil iktibar dan semangat hijrah Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wassallam dengan sebaik-baiknya. Hijrah Rasulullah ini bukan hanya proses perpindahan dari satu tempat ke satu tempat yang lain, tapi ia adalah satu konsep perubahan sesebuah masyarakat atau organisasi untuk perpindahan dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik. Sebagai umat Islam, kita hendaklah percaya bahawa setiap kesukaran pasti akan diiringi dengan kesenangan. Ini selaras dengan firman Allah SWT di dalam surah Al-Insyiraah, Ayat 5, yang mafhumnya:- "Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai dengan kemudahan".

3. Tema sambutan Maal Hijrah kali ini iaitu '**Manhaj Rabbani Ummah Berkualiti**' yang intipatinya mengajak kita semua supaya mentaati Allah SWT dan Rasulullah SAW. Sesungguhnya, ketaatan kepada Allah dan Rasul-Nya bakal mengundang limpahan rahmat daripada Tuhan Rabbal Alamin. Justeru, kita raikanlah Maal Hijrah dengan penuh kesedaran akan pentingnya penghayatan nilai-nilai murni keperibadian Rasulullah SAW dan perjuangan Baginda menegakkan Syiar Islam, untuk dicontohi agar kita menjadi ummah yang berkualiti.
4. Seperti tahun lalu, sambutan pada tahun ini juga tidak sama dengan sambutan tahun-tahun sebelumnya. Pada tahun ini, kita meraikan sambutan Maal Hijrah dalam tempoh Fasa Dua Kawalan Pergerakan dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) sejak 10 Julai lalu. Semoga semangat dan pengajaran daripada Maal Hijrah ini memberi kekuatan kepada rakyat di negeri ini dalam mendepani cabaran pandemik COVID-19, mengharungi norma baharu yang berbeza dengan hari sebelumnya dan usaha memulihkan ekonomi negeri.
5. Apa yang penting, rakyat terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan agar kita mampu berhijrah daripada Fasa Dua ke Fasa Tiga Pelan Pemulihan Negara dalam masa terdekat ini.
6. Keprihatinan banyak pihak terhadap kesusahan pelbagai lapisan masyarakat akibat pandemik ini amatlah kita hargai. Selain bantuan daripada kerajaan negeri, pelbagai pihak lain termasuk badan korporat, usahawan, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan juga tampil menyalurkan bantuan keperluan kepada yang terjejas. Keadaan ini juga mencerminkan masyarakat kita yang berbilang kaum dan agama sanggup mengenyahkan segala perbezaan yang ada demi menjayakan prinsip mulia hidup bermasyarakat. Ini menepati ajaran al-Quran melalui firman Allah SWT di dalam surah Al-Maaidah, Ayat 2, yang antara lain mafhumnya:- "...dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa dan pencerobohan.
7. Sudut positif pandemik COVID-19 yang melanda negara saat ini turut membawa kepada penerokaan perniagaan dalam talian. Perusahan secara kecil-kecilan di rumah dan perkhidmatan penghantaran barangan antara yang telah menjadi satu perkhidmatan perlu pada masa kini. Keadaan ini sekali gus menjadikan kita untuk lebih dekat dengan 'digital economy' iaitu satu bentuk transformasi di bawah kerangka Revolusi Industri 4.0.
8. Mahu atau tidak, kita perlu bersedia berhijrah menempuh Revolusi Industri 4.0 yang mana pasaran kerjanya dipenuhi dengan individu yang berkemahiran tinggi dan kreatif. Kita perlu mempersiapkan diri, generasi muda dan rakyat keseluruhannya agar tidak terpinggir dalam era globalisasi dan digital itu.
9. Alhamdulillah, dengan mencontohi makna yang tersirat di sebalik peristiwa hijrah ini, kerajaan Negeri Sabah turut merangka dasar dan hala tuju yang terancang menerusi Halatujua Sabah Maju Jaya (SMJ), iaitu pelan pembangunan selama lima tahun sehingga 2025. Ia antara usaha untuk mengembalikan semula ekonomi negeri yang turut terjejas akibat penularan pandemik COVID-19 sejak tahun lalu. Saya yakin dengan sokongan dan penyertaan semua lapisan rakyat, pelan pembangunan ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

10. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada mereka yang telah memberi sumbangan kepada pembangunan Islam di negeri ini. Kepada bakal penerima Anugerah Khas dan Tokoh Maal Hijrah peringkat negeri Sabah yang akan diumumkan nanti, saya merakamkan tahniah atas bakti anda menegakkan syiar Islam di negeri ini.
11. Saya berdoa dan berharap agar Tahun Baharu 1443H ini akan meningkatkan amal salih di samping terus berpegang teguh kepada ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Marilah kita bersama-sama memupuk semangat ukhuwah dan penyatuan sesama kita, serta bersama bangun Sabah agar terus maju jaya. Selamat menyambut tahun baharu Hijrah 1443H bersamaan 2021M.

Tuan Yang Terutama Tun, demikianlah ucapan saya kepada para hadirin sekalian.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamu Alaikum Waramatullahi Wabarakatuh